

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 21 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 24**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1243-L13449  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah terkini pemilik telefon pintar dan komputer tablet di negara ini dan nyatakan sejauh manakah kejayaan program transformasi digital negara bagi mencapai sasaran menjadikan ekonomi negara berasaskan digital menjelang 2020.
2. PN-1243-L13392  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam membendung aktiviti pengemis jalanan yang tidak ada kesudahannya, yang sudah berani mengemis di jalanan terutama di sekitar persimpangan lampu isyarat dan adakah perlu Kerajaan menggubal satu undang-undang yang lebih tegas dalam membendung gejala mengemis ini yang tidak pernah takut dengan undang-undang sedia ada.
3. PN-1243-L13373  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dalam mengekalkan teras FELDA sebagai peneraju sektor perladangan serta jaminan masa depan peneroka sendiri di sebalik langkah penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia ini.
4. PN-1243-L13460  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa negara kita kaya dengan adat serta tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun khususnya dari kalangan Orang-orang Asli. Apakah Kementerian dapat mewujudkan satu pelan perancangan dalam menyediakan produk pelancongan yang melibatkan perkampungan Orang Asli serta produk penghasilan mereka ini dapat diketengahkan dalam memajukan industri pelancongan di negara kita.

5. PN-1243-L13782  
**Datuk Chih Tiang Chai** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian keseluruhan sistem pendidikan negara khususnya bagi melahirkan modal insan dalam bidang teknikal dan vokasional.
6. PN-1243-L13042  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan, infrastruktur dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan untuk memastikan program penyusuan susu ibu di kalangan wanita yang berkerjaya di sektor awam dan swasta sehingga anak mencapai usia 6 bulan sehingga 2 tahun menepati sasaran negara.
7. PN-1243-L13886  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kaedah mengawal media sosial dan Internet berlandaskan undang-undang sedia ada. Adakah Kerajaan berjaya mengimbangi antara kebebasan bersuara dan ketenteraman awam.
8. PN-1243-L13140  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan pemilih yang berkhidmat di sektor media, perubatan, penerbangan dan cari gali minyak mengundi secara pos. Jika benar, berikan sebab-sebabnya.
9. PN-1243-L13559  
**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam sedia ada terutama berkaitan isu-isu yang sering kali diungkit oleh warga kota dari segi kekerapan, kapasiti dan waktu menunggu.
10. PN-1243-L13771  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki lompong-lompong (loopholes) yang sering disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk memperlambatkan proses perbicaraan dan mengakibatkan keputusan muktamad sesebuah perbicaraan itu lambat tercapai kerana penangguhan dan kes-kes rayuan yang terlalu banyak tertangguh.
11. PN-1243-L13864  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah penyeludupan mercun semasa perayaan Tahun Baru Cina yang menyebabkan kecederaan, ada di antaranya serius, terutamanya kanak-kanak yang suka bermain bunga api.

12. PN-1243-L13658  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah perkhidmatan online One Stop Centre (OSC) bagi permohonan kelulusan pelan telah berjaya dilaksanakan oleh DBKL dan lain-lain Kerajaan Tempatan.
13. PN-1243-L13100  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah sambutan syarikat swasta terhadap dasar kenaikan umur pencen kepada 60 tahun.
14. PN-1243-L13793  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah pampasan dan cukai tanah yang telah dibayar serta masih terhutang kepada Kerajaan Negeri Kedah hasil dari penggunaan atau pengambilan tanah di Kedah untuk tujuan laluan Lebuhraya Utara Selatan sejak dari awal projek tersebut dilaksanakan.
15. PN-1243-L13729  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan bantuan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah di kawasan luar dan pinggir bandar bagi melaksanakan aktiviti keibubapaan dan pembangunan pelajar di sekolah kawasan berkenaan memandangkan sumber kewangan untuk mereka membiayai kegiatan seperti itu sangat terhad berbanding PIBG di kawasan bandar.
16. PN-1243-L13827  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kuota untuk pembeli Bumiputera bagi setiap kawasan perumahan baru telah menjadi satu masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju kerana sukar untuk menjual rumah-rumah tersebut kerana kurang pembeli Bumiputera. Adakah pihak Kementerian akan mencari satu cara penyelesaian untuk membantu pihak pemaju.
17. PN-1243-L13612  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) status terkini jangkitan penyakit batuk kering (tuberculosis) mengikut negeri-negeri di Malaysia; dan
  - (b) adakah benar dakwaan yang mengatakan jangkitan penyakit tersebut dibawa masuk oleh pekerja asing yang tidak melalui pemeriksaan kesihatan yang rapi sebelum dibawa masuk ke Malaysia.
18. PN-1243-L13851  
**Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai pencapaian, keberhasilan dan kepentingan negara berhubung Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi, LIMA, sehingga kini.

19. PN-1243-L13144  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah kereta-kereta berteknologi hibrid sahaja yang diberi pengecualian duti eksais dan cukai penjualan.
20. PN-1243-L13556  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah bantuan yang boleh diberikan kepada penduduk-penduduk miskin luar bandar yang tidak mampu membayar kos wiring walaupun bekalan elektrik telah diadakan di kawasan mereka.
21. PN-1243-L13357  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperkenalkan undang-undang bagi mewajibkan semua anak yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta yang mempunyai penggajian bulanan tetap memotong 10 peratus daripada pendapatan sebagai saraan tetap kepada ibu bapa mereka.
22. PN-1243-L13627  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis melepaskan tembakan gas pemedih mata ke dalam ruang terkurung di jalan bawah KL Sentral, adakah tindakan itu melanggar garis panduan operasi polis dan apakah yang sedang dilakukan pihak Kementerian tentang salah laku polis tersebut.
23. PN-1243-L13874  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jumlah sayur-sayuran dan barangan makanan yang diimport dari luar negara setiap tahun, dan apakah rancangan Kementerian untuk menjadikan Malaysia mampu memenuhi keperluan sayur-sayuran dan makanan.
24. PN-1243-L13593  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa sesebuah syarikat adalah Bertaraf Bumiputera; dan
  - (b) apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa sesebuah Syarikat Senaraian Awam (Public Listed Co.-PLC) adalah syarikat yang dikuasai Bumiputera (Bumiputera Controlled PLC).
25. PN-1243-L13230  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan prospek industri herba dan apakah galakan serta insentif yang diberikan oleh Kementerian dalam menjadikan Malaysia sebagai hub herba serantau.

26. PN-1243-L13211  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kementerian di dalam memperluaskan perkhidmatan doktor pakar di kawasan pedalaman terutama bagi menangani kes-kes kecemasan dan kritikal kerana jangka masa perjalanan yang lama dari kawasan luar bandar ke hospital yang lengkap di bandar-bandar utama.
27. PN-1243-L13642  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan syarikat Malaysia di luar negara dan jumlah pelaburan serta kepentingan syarikat Amerika Syarikat dan Britain di Malaysia.
28. PN-1243-L13359  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengawal kadar pertumbuhan penduduk termasuk mengurangkan bilangan anak dalam sesebuah keluarga dan Program Perancang Keluarga yang lebih berkesan bagi menangani masalah bilangan penduduk dunia yang dijangka akan mencecah 15 bilion orang menjelang akhir abad ini.
29. PN-1243-L13341  
**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme penyediaan laporan tahunan audit negara dan adakah Jabatan Audit Negara boleh membuat syor sekiranya ada ketirisan dalam sesebuah Kementerian, agensi dan jabatan Kerajaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan.
30. PN-1243-L13691  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kedudukan negara kita dalam Self Sufficiency Rate terhadap produk daging dan sayur-sayuran berbanding negara-negara Asean dan apakah usaha Kementerian agar kita dapat mengurangkan kadar kebergantungan daripada sumber pengimportan.
31. PN-1243-L13451  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan warga asing mengikut negara bagi tahun 2010 dan 2011 serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengelakkan Malaysia menjadi pusat transit heroin untuk diseludup ke negara ketiga.
32. PN-1243-L13405  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan dalam mewajibkan pembantu rumah warga asing yang ingin bekerja di negara ini terlebih dahulu menjalani kursus Bahasa Malaysia selama enam bulan.

33. PN-1243-L13738  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos yang ditanggung oleh Kementerian dan berapakah nisbahnya petugas dengan atlet yang dihantar ke Sukan Sea 2011 di Jakarta.
34. PN-1243-L13492  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan menjelaskan sejauh manakah penerapan nilai-nilai Islam di dalam kurikulum dan aktiviti pembelajaran dilaksanakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
35. PN-1243-L13505  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila dan bagaimanakah bantuan RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3000 dan ke bawah akan disalurkan.
36. PN-1243-L13180  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik orang yang masih ditahan di bawah Ordinan Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Polis mengikut kaum dan kesalahan yang dilakukan; dan
  - (b) berapakah jumlah banduan di penjara seluruh negara mengikut kaum dan kesalahan yang dilakukan.
37. PN-1243-L13477  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penyimpanan di Lembaga Tabung Haji (LTH) yang telah menyimpan minima RM1,350.00 bagi membolehkan mereka mendaftar untuk menunaikan ibadah haji dan nyatakan dari jumlah itu berapakah yang telah berumur 50 tahun dan ke atas serta belum pernah menunaikan ibadah haji.
38. PN-1243-L13115  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menaik taraf dan melengkapkan Hospital Kota Marudu dengan doktor-doktor pakar dan peralatan yang baik dan mencukupi serta membesarkan bangunan hospital tersebut.
39. PN-1243-L13168  
**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak Tribunal Rayuan Kastam ditubuhkan pada 2007, apakah kejayaan yang telah diusahakan dari segi menyelesaikan kes-kes rayuan yang dibawa kepada tribunal tersebut dan nyatakan butirannya sekali.

40. PN-1243-L13764  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar-pelajar asing yang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS tempatan di Malaysia sekarang, mengikut negara asal dan bidang pengajian mereka.
41. PN-1243-L13052  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab dan faktor peningkatan kes kebakaran kereta dan jumlah kecederaan dan kehilangan nyawa akibat kebakaran dalam kemalangan jalan raya secara spesifik dan langkah keselamatan yang diwarwarkan berdasarkan dapatan dan kajian Kementerian.
42. PN-1243-L13668  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah pembaikan yang telah dan akan diambil bagi memperbaiki perkhidmatan bas awam di luar bandar dan juga di bandar.
43. PN-1243-L13781  
**Datuk Chiew Tiang Chai** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani isu gaji minima pembantu rumah Indonesia yang ditetapkan sebanyak RM700 sebulan dan langkah Kerajaan bagi menetapkan gaji minima di kalangan pekerja swasta lainnya.
44. PN-1243-L13153  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menyempurnakan bantuan RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah dan bilakah bantuan ini dapat diselesaikan.
45. PN-1243-L13518  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila dan kos pembinaan lebuh raya dari Kota Damansara hingga ke Serdang.
46. PN-1243-L13733  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis yang begitu senang untuk menemu duga ratusan wakil Seksualiti Merdeka tidak dapat mencegah jenayah yang semakin meningkat di kalangan orang ramai sehingga penduduk tidak berasa aman walaupun di rumah sendiri. Adakah Kementerian membuat rancangan untuk menjadikan bandar dan kawasan perumahan lebih selamat dan menangkap penjenayah yang berkali-kali melakukan perkara ini.
47. PN-1243-L13326  
**Dato' Ng Fook Heng** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk membantu para ibu bapa mengatasi ketagihan permainan "cybergame" di kalangan warga muda terutamanya remaja sekolah di rumah.

48. PN-1243-L13273  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan jika sistem biometrik digunakan pada pilihan raya yang akan datang tidak akan disalahgunakan oleh mana-mana pihak.
49. PN-1243-L13478  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah Kementerian mewujudkan syarikat menerusi program Inkubator Universiti dan dikendalikan sendiri penyelidik, saintis dan pelajar universiti mampu membangunkan sendiri hasil kajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk dikomersialkan tanpa membabitkan pihak luar.
50. PN-1243-L13745  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan laporan bahawa penghidap diabetes di negara ini meningkatkan kepada 3 juta orang pada tahun ini, adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua kakitangan Kerajaan dan swasta menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi menjalani ujian saringan faktor tidak berjangkit bagi memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa terjamin.
51. PN-1243-L13577  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu elaun imam-imam di Masjid India Muslim seluruh negara telah dibincangkan pada sidang Parlimen yang lepas dan sehingga kini masih tiada keputusan mahu pun pelaksanaan. Apakah status perkara ini.
52. PN-1243-L13894  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana Malaysia dapat membantu mempercepatkan proses kemerdekaan dan pewujudan negara Palestin yang berdaulat.
53. PN-1243-L13419  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan dan hasil yang diperoleh menerusi penubuhan Institut Sosial Malaysia.
54. PN-1243-L13609  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa ramaikah guru besar dan pengetua berketurunan India Muslim di SJK(T), SK dan SMK sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan.



55. PN-1243-L13684  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dari segi peningkatan kemudahan pembelajaran dan alat bantuan mengajar (ABM) sekolah luar bandar. Banyak lagi sekolah luar bandar tidak mendapat kemudahan terbaik walaupun sudah wujud puluhan tahun.
56. PN-1243-L13258  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan kedudukan universiti negara kita dalam senarai universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.
57. PN-1243-L13817  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengagihkan pemberian bantuan RM500 kepada rakyat yang kurang berpendapatan kerana ada di kalangan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman tidak tahu atau tidak pernah berdaftar dengan pihak cukai pendapatan.
58. PN-1243-L13089  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pesalah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, yang telah dijatuhkan hukuman mati semenjak lima tahun kebelakangan ini mengikut tahun dan bangsa dan dari jumlah tersebut, berapakah pesalah dari luar negara serta apakah hukuman mati masih lagi relevan pada masa kini.
59. PN-1243-L13190  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik terkini pelajar yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah hingga tamat tingkatan lima mengikut jenis-jenis sekolah dan juga statistik pelajar yang menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta mengikut kaum.
60. PN-1243-L13422  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) setakat manakah pihak Kementerian menjalankan Program Penyelarasan Gaji Minima setakat ini; dan
  - (b) bilakah pihak Kementerian akan memperluaskan program ini ke sektor industri di negeri Sarawak memandangkan masih banyak lagi sektor yang mengajikan rakyat tempatan di paras kategori miskin tegar.

61. PN-1243-L13077  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah kedudukan kategori penarafan yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara kepada Kementerian, Jabatan dan GLC milik Kerajaan Persekutuan; dan
  - (b) apakah usaha-usaha Kementerian Kewangan untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan kewangan yang lebih baik terhadap semua Kementerian, jabatan dan syarikat-syarikat GLC yang tersebut.
62. PN-1243-L13248  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kos yang dibiayai oleh Kerajaan untuk menukar MyKad baru yang telah diumumkan oleh Menteri tempoh hari dan berapa lamakah MyKad yang baru ini boleh digunakan sebelum ditukarkan lagi dengan kad yang baru.
63. PN-1243-L13803  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai Dasar Tenaga Negara dengan memberikan tumpuan terhadap pengurusan sektor bekalan tenaga elektrik negara, dan jika ada, apakah perakuan-perakuan dari dasar tersebut serta apakah perancangan Kerajaan tentang rombakan struktural (structural adjustments) terhadap sektor elektrik ini.
64. PN-1243-L13283  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian dari masa ke semasa memantau fakta-fakta sejarah yang diterbitkan dalam buku-buku sekolah rendah dan menengah bagi memastikan kebenaran dan kejituan fakta tersebut.
65. PN-1243-L13495  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penyiasatan kes penculikan/penangkapan beberapa pemuda berketurunan India di Jusco Taman Equine, Seri Kembangan, pada 4 April 2011, nombor report Balai Polis Seri Kembangan, Selangor R140761/11.
66. PN-1243-L13452  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek di bawah Kementerian ini yang dikenal pasti sebagai projek sakit serta nyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kementerian bagi tempoh 2 tahun kebelakangan serta apakah punca yang dikenal pasti bagi projek-projek sedemikian.

67. PN-1243-L13382  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju bahawa dalam pembentangan Bajet 2012 lalu, yang memberikan RM100 kepada semua pelajar dari darjah 1 sehingga tingkatan 5 adalah langkah Kerajaan untuk jangka masa pendek sahaja dan apakah langkah Kerajaan dalam membantu pelajar pada jangka masa panjang terutamanya pelajar dari keluarga pendapatan rendah dan sederhana.
68. PN-1243-L13538  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kejayaan Ops Sikap yang telah dijalankan begitu lama dan apakah tindakan selanjutnya akan diambil oleh Kementerian demi mengurangkan kejadian kemalangan serius di jalan raya.
69. PN-1243-L13705  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan pegangan ekuiti kaum India dapat ditingkatkan ke 3% di mana ianya kini dilihat berada pada paras 1.3%. Apakah usaha ini dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Ke 10 memandangkan peningkatan ini tidak begitu mudah dicapai dalam jangka masa yang suntuk.

**ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**  
(20 Disember, 2011)  
  
[ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]
2. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]
3. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap 2011 “  
  
[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]
4. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
5. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
6. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
7. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
  
[ Kementerian Pertahanan ]
8. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “  
  
[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]

9. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
10. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Sumber Manusia ]**
11. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
12. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
13. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
14. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
15. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
16. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
17. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
18. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

19. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

20. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “

**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

21. PN-1243-U13086

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
  - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
  - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:

- 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
- 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
- 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.

- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

22. PN-1243-U13088

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

**[Menteri Luar Negeri]**

23. PN-1243-U13090

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**



24. PN-1243-U13197

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

25. PN-1243-U13198

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara.

Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

26. PN-1243-U13202

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketat lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

27. PN-1243-U13614

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

**[Menteri Pengajian Tinggi]**